



GARIS PANDUAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (S.O.P)
PENGGUNAAN DEWAN DAN MINI STADIUM MAJLIS DAERAH
KUALA PILAH SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) TAHUN 2020

DEWAN

1. Majlis Daerah Kuala Pilah (MDKP) membenarkan penggunaan Dewan untuk Majlis Perkahwinan / Jamuan / Seminar dan sebagainya bermula 1 Ogos 2020.
2. Syarat-syarat pelaksanaan:
 - 2.1. **Syarat Utama :-**
 - 2.1.1 Kelulusan lokasi penggunaan Dewan adalah secara terpilih dan berperingkat. Kelulusan adalah tertakluk kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Daerah Negeri Sembilan Darul Khusus.
 - 2.1.2 Pihak penyewa perlu menyediakan alatan pengukur suhu badan, hand sanitiser dan buku rekod pendaftaran peserta. Kos adalah ditanggung sepenuhnya oleh penyewa.
 - 2.1.3 Pihak penyewa **DIWAJIBKAN** untuk menjaga di pintu masuk utama perkarangan dewan bagi merekod maklumat pengunjung bagi pemantauan suhu badan serta merekod maklumat pengunjung / jemputan / peserta melalui aplikasi mySejahtera atau QR Kod serta pintu penyedia makanan dan selebihnya di kawasan luar dewan.
 - 2.1.4 Penyewa **DIWAJIBKAN** menyahkuman (sanitasi) persekitaran ruangan sebelum dan selepas Majlis Perkahwinan/ Jamuan/ Seminar.

2.2 Syarat Kawalan Keselamatan dan Lalulintas :-

- 2.2.1 Kawalan keselamatan adalah **di bawah tanggung jawab pihak penyewa**.
- 2.2.2 Kawalan hendaklah diberi tumpuan kepada laluan masuk dan laluan keluar perimeter.
- 2.2.3 Pihak Penyewa **DIWAJIBKAN** menyediakan kawasan saringan suhu badan serta penggunaan "*hand sanitiser*" di pintu masuk utama dewan serta merekodkan maklumat pengunjung / jemputan / peserta melalui aplikasi mySejahtera / QR Kod / menulis di buku pendaftaran.

2.3 Kawalan Kemasukan Jemputan / Pengunjung / Peserta : -

- 2.3.1 Setiap pengunjung / jemputan / peserta **DIWAJIBKAN** membuat saringan suhu badan, menggunakan *hand sanitiser* dan memakai "*Face Mask*";
- 2.3.2 Pengunjung / jemputan / peserta yang mempunyai suhu melebihi 37.5°C **DILARANG** sama sekali memasuki premis ;
- 2.3.3 Pengunjung / jemputan / peserta **DIWAJIBKAN** memuat turun dan mendaftar dalam aplikasi mySejahtera / QR Kod / mendaftar di dalam buku daftar yang disediakan oleh pihak penyewa bagi tujuan "*contact tracing*";
- 2.3.4 Pengunjung / jemputan / peserta **MESTILAH** tidak terlibat sebagai PUS (Patient Under Surveillance) dan PUI (Patient Under Investigation) atau perintah kuarantin ;
- 2.3.5 Bagi pengunjung / jemputan / peserta yang mempunyai gejala batuk dan selsema **DIWAJIBKAN** memakai "*Face Mask*";
- 2.3.6 Tempat beratur sebelum memasuki perkarangan dewan melalui pintu masuk utama hendaklah ditanda dengan jarak sekurang-kurangnya 1 meter antara satu sama lain ;
- 2.3.7 Hanya satu pintu utama perkarangan dewan sahaja dibenarkan dibuka untuk pengunjung / jemputan / peserta serta satu pintu untuk kegunaan pihak penyedia makanan keluar dan masuk dewan. Pengawasan kedua-dua pintu ini perlu dipantau oleh pihak penyewa.

2.4 Tindakan oleh penyewa dewan :-

2.4.1 Perlu menyediakan **PELAN LOKASI** yang mengandungi maklumat susun atur peralatan, tanda jarak dan tanda arah ;

2.4.2 Menyediakan peralatan mencukupi yang diperlukan bagi memastikan Garis Panduan (SOP) dipatuhi.

2.5 Kebersihan dewan sebelum, semasa dan selepas program berlangsung :-

2.5.1 Sentiasa menjaga kebersihan semasa dan selepas program. Sampah sarap hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik dan diikat sebelum dibuang di tempat pembuangan sampah yang disediakan.

2.5.2 Penyewa **DIWAJIBKAN** menyahkan (sanitasi) persekitaran ruangan sebelum dan selepas Majlis Perkahwinan/ Jamuan/ Seminar.

2.6. Kawalan dan Penguatkuasaan :-

2.6.1 Tindakan kompaun, pemotongan deposit dewan atau penutupan dewan serta merta sekiranya pihak penyewa gagal mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis Daerah Kuala Pilah.

2.7 Tarikh kuatkuasa SOP ini adalah bermula dari 1 Ogos 2020 dan tertakluk kepada pindaan dari masa ke semasa oleh Majlis Daerah sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan pemulihan (PKPP) tahun 2020.

MINI STADIUM

1. Majlis Daerah Kuala Pilah (MDKP) membenarkan penggunaan Mini Stadium untuk kegunaan aktiviti sukan dan sebagainya bermula 1 Ogos 2020.

2. Syarat-syarat pelaksanaan:

2.1. Syarat Utama :-

2.1.1 Kelulusan lokasi penggunaan Mini Stadium adalah secara terpilih dan berperingkat. Kelulusan adalah tertakluk kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Daerah Negeri Sembilan Darul Khusus.

2.1.2 Pihak penyewa perlu menyediakan alatan pengukur suhu badan, "*hand sanitiser*" dan buku rekod pendaftaran peserta. Kos adalah ditanggung sepenuhnya oleh penyewa.

2.1.3 Pihak penyewa **DIWAJIBKAN** untuk menjaga di pintu masuk utama perkarangan Mini Stadium bagi merekod maklumat pengunjung bagi pemantauan suhu badan serta merekod maklumat penonton / peserta melalui aplikasi mySejahtera / QR Kod / menulis di buku pendaftaran.

2.2 Syarat Kawalan Keselamatan dan Lalulintas :-

2.2.1 Kawalan keselamatan adalah **di bawah tanggung jawab pihak** penyewa.

2.2.2 Pihak Penyewa perlu menyediakan kawasan saringan suhu badan serta penggunaan "*hand sanitiser*" di pintu masuk utama Mini Stadium serta merekodkan maklumat pengunjung / peserta melalui aplikasi mySejahtera / QR Kod / menulis di buku pendaftaran.

2.3 Kawalan Kemasukan jemputan / pengunjung / peserta :-

2.3.1 Setiap penonton / peserta **DIWAJIBKAN** membuat saringan suhu badan, menggunakan "*hand sanitiser*" dan memakai "*Face Mask*";

2.3.2 Pengunjung / jemputan / peserta yang mempunyai suhu melebihi **37.5°C DILARANG** sama sekali memasuki premis ;

- 2.3.3 Penonton / peserta **DIWAJIBKAN** memuat turun dan mendaftar dalam aplikasi mySejahtera / QR Kod / mendaftar di dalam buku daftar yang disediakan oleh pihak penyewa bagi tujuan "contact tracing";
- 2.3.4 Penonton / peserta **MESTILAH** tidak terlibat sebagai **PUS** (Patient Under Surveillance) dan **PUI** (Patient Under Investigation) atau perintah kuarantin ;
- 2.3.5 Bagi penonton / peserta yang mempunyai gejala batuk dan selsema **DIWAJIBKAN** memakai "Face Mask";
- 2.3.6 Penyewa perlu memastikan peserta serta penyokong mematuhi penjarakan sosial yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

2.4 Tindakan oleh penyewa Mini Stadium :-

- 2.4.1 Menyediakan peralatan mencukupi yang diperlukan bagi memastikan Garis Panduan (SOP) dipatuhi.

2.5 Kawalan dan Penguatkuasaan :-

- 2.5.1 Tindakan kompaun atau penutupan Mini Stadium serta merta sekiranya pihak penyewa gagal mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis Daerah Kuala Pilah.

- 2.7 Tarikh kuatkuasa SOP ini adalah bermula dari 1 Ogos 2020 dan tertakluk kepada pindaan dari masa ke semasa oleh Majlis Daerah sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan pemulihan (PKPP) tahun 2020.